

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
(TELOK KEMANG)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 21.03.2017**

**Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [ TELOK KEMANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan berkaitan rancangan dan pelaksanaan pencaruman yang dicadangkan di mana penjawat awam mencarum ke dalam Kumpulan Wang Persaraan KWAP sehingga bersara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum bercadang untuk melaksanakan skim pencen caruman bagi kakitangan penjawat awam. Melalui skim sedia ada untuk penjawat awam, mereka diberi pilihan untuk memilih skim pencen atau pun mencarum di dalam

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) setelah tempoh pengesahan jawatan (3 tahun).